

Abdullah dijangka jawab soalan pertama

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual menjawab soalan pertama apabila sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat esok disiarkan secara langsung menerusi RTM1.

Ahli Parlimen Muar, Razali Ibrahim yang mewakili Barisan Nasional (BN) mendapat peluang bersejarah bertanya soalan mengenai pendekatan kerajaan bagi memperbaiki mutu kehidupan rakyat, terutama meningkatkan kuasa beli, keselamatan umum dan perpaduan etnik.

Dua lagi soalan iaitu yang ketiga dan kelima turut ditujukan kepada Perdana Menteri.

Soalan ketiga daripada ketua pembangkang yang baru, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kepada Abdullah selaku Menteri Kewangan

menjurus kepada kesungguhannya terhadap pelaksanaan tender terbuka seperti dijanjikan beliau selepas 100 hari mengambil alih pentadbiran negara.

Soalan kelima pula diajukan bekas ketua pembangkang, Lim Kit Siang, Ahli Parlimen DAP bagi Ipoh Timur mengenai garis panduan 10 langkah kerajaan memperbaharui dan melakukan perubahan dalam sistem pentadbiran bagi tempoh 12 bulan akan datang.

Butiran lanjut mengenai soalan hari pertama Dewan Rakyat dan semua soalan bagi sesi soal jawab setiap hari dewan bersidang sudah dihantar kepada 222 Ahli Parlimen sejak 21 April lalu.

Parlimen berhak menukar turutan soalan dan lazimnya, ia dilakukan atas permintaan pihak kerajaan.

Sebelum ini, Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek, ber-

kata siaran langsung itu akan dibuat selama 30 minit untuk setiap sesi soal jawab sepanjang persidangan tanpa sebarang tapisan.

Katanya, tempoh setengah jam itu adalah permulaan penting dalam sejarah Parlimen dan kebebasan media di negara ini, selain membolehkan orang ramai melihat sendiri secara

FAKTA NOMBOR

Sidang Dewan Rakyat ke-12

140

Ahli Parlimen Barisan Nasional

82

Ahli pembangkang

langsung apa yang dilakukan atau diucapkan wakil yang dipilih mereka.

Difahamkan, semua Ahli Parlimen sudah menerima salinan soalan untuk semua 14 hari Dewan Rakyat bersidang dalam penggal pertama Parlimen ke-12.

Sejumlah 72 soalan disenarai bagi hari pertama sidang dan tidak semua soalan dapat ditanya kerana hanya kira-kira sejam diperuntukkan bagi sesi soal jawab.

Bagaimanapun, jawapan bertulis akan diberi untuk semua soalan terabit.

Secara purata, 10 soalan dijawab sepanjang tempoh berkenaan. Bagi setiap soalan asal dibenarkan dua soalan tambahan dan lazimnya peluang satu soalan tambahan diberi kepada ahli Parlimen yang mengemukakan soalan asal, manakala satu lagi mengikut pilihan Speaker.